

PENGURUSAN HUTANG MENURUT ISLAM : PENGAMALAN DALAM KALANGAN PENSYARAH KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

Nurul Athirah Mohd Azmi
Kolej Universiti Islam Melaka

Suhaimi Abu Hasan
Kolej Universiti Islam Melaka

Hana Duerama
Kolej Universiti Islam Melaka

Shahrul Hilmi Othman
Kolej Universiti Islam Melaka

Zanariah Aripin
Kuala Sungai Baru, Melaka

Corresponding Author's Email: nurulathirah@kuim.edu.my

Article history:

Received : 23 August 2021

Accepted : 18 November 2021

Published : 28 December 2021

ABSTRAK

Gaya hidup berhutang telah menjadi suatu amalan biasa pada masa kini. Ditambah pula dengan kewujudan kemudahan hutang yang semakin inovatif dan mudah akses seperti kad kredit, pinjaman peribadi dan “overdraft” yang memotivasikan lagi masyarakat untuk berhutang bagi memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan. Keperluan dan kehendak yang tidak terkawal dalam mendepani arus inovasi produk-produk perbankan ini boleh membawa kepada pertambahan kes-kes muflis pada tahap yang membimbangkan, lebih-lebih lagi yang melibatkan golongan muda yang merupakan aset kemajuan pembangunan negara. Pertumbuhan tahunan hutang isi rumah meningkat dengan lebih pantas pada kadar 5.1% pada separuh pertama tahun 2019 yang mana masih pada tahap yang membimbangkan walaupun terkawal iaitu mencatatkan 82.2% pada akhir bulan Jun 2019, seperti yang dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia. Justeru itu, pentingnya pengurusan hutang bagi individu dan usaha seseorang itu sendiri sebagai langkah mengelakkan diri daripada dibelenggu hutang yang boleh membawa kepada kemudaratan. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap pengamalan pengurusan hutang dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka sekaligus mencadangkan model pengurusan hutang menurut Islam berlandaskan Maqasid Syariah. Kesahan terhadap item-item soal selidik yang

telah dibangunkan telah disahkan oleh beberapa pakar dalam bidang agama dan muamalat, sebelum soal selidik diedar kepada para responden. Model pengurusan hutang yang baik secara Islam mampu menyelesaikan masalah peningkatan kes muflis dalam kalangan masyarakat. Kajian ini juga menyokong dan selari dengan usaha-usaha kerajaan yang memberi pendidikan pengurusan kewangan peribadi serta kesedaran kepada masyarakat tentangnya melalui program-program literasi kewangan oleh agensi-agensi berkaitan sebagai usaha membantu masyarakat dalam pengurusan hutang individu dan mengurangkan jumlah kes muflis dan hutang isi rumah di Malaysia.

Kata Kunci: Pengurusan Hutang, Model Pengurusan Hutang menurut Islam

***DEBT MANAGEMENT ACCORDING TO ISLAM: PRACTICE
AMONG LECTURERS OF THE UNIVERSITY COLLEGE OF ISLAM
MELAKA***

ABSTRACT

The indebted lifestyle has become a common practice nowadays. Coupled with the existence of increasingly innovative and easily accessible debt facilities such as credit cards, personal loans and "overdrafts" that further motivate the community to borrow to meet the needs and wants of life. Uncontrolled needs and wants in the face of the current innovation of these banking products can lead to an increase in bankruptcy cases at an alarming level, especially involving young people who are an asset of national development. The annual growth of household debt increased faster at 5.1% in the first half of 2019 which is still at an alarming level although controlled at 82.2% at the end of June 2019, as reported by Bank Negara Malaysia. Therefore, the importance of debt management for individuals and one's own efforts as a measure to avoid being burdened by debt that can lead to harm. Therefore, this study was conducted to examine the level of debt management practice among lecturers of the Malacca Islamic University College as well as to propose a debt management model according to Islam based on Maqasid Syariah. The validity of the items of the questionnaire that has been developed was confirmed by several experts in the field of religion and muamalat, before the questionnaire was distributed to the respondents. A good Islamic debt management model is able to solve the problem of increasing bankruptcy cases in the community. The study also supports and is in line with the government's efforts to provide personal financial management education and awareness to the community through financial literacy programs by relevant agencies in an effort to assist the community in managing individual debt and reducing the number of bankruptcy cases and household debt. in Malaysia.

Keywords: Debt Management, Debt Management Model according to Islam

PENDAHULUAN

Hutang diistilahkan sebagai suatu proses yang digunapakai dalam urusan pinjam meminjam. Menurut Kamus Dewan Bahasa (2007), hutang bermaksud wang atau barangan yang diberikan kepada seseorang untuk digunakan bagi sementara waktu dan perlu dikembalikan semula yang waktu yang telah dijanjikan. Maknanya, hutang merupakan suatu proses yang perlu diuruskan secara baik agar ianya dapat dikembalikan mengikut tempoh waktu yang telah dipersetujui. Walau bagaimanapun, menurut Pegawai Eksekutif AKPK (2018) mengatakan 75% daripada 243 699 orang, berusia lingkungan 30-50 tahun telah mendapatkan kaunseling daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di bawah Program Pengurusan Hutang. Hal ini disebabkan kebanyakan masyarakat mengalami perancangan kewangan yang lemah dan pengumpulan hutang disebabkan komitmen yang tinggi seiring dengan peningkatan usia.

Selain itu, Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai masalah hutang isi rumah yang semakin meningkat disebabkan sikap berbelanja masyarakat yang tidak terurus (Astroawani : Diakses pada 6 Oktober 2015.) Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat sebenarnya boleh mengawal diri daripada aktiviti berhutang tetapi terperangkap dengan gaya hidup yang mewah (Utusan Online : Diakses pada 24 Jun 2015). Tambahan lagi, terdapat kes yang sangat membimbangkan iaitu kebangkrapan dalam kalangan golongan muda. Menurut Nuraini Abdullah & Mohamad Fazli Sabri (2016) mengatakan faktor kebangkrapan adalah disebabkan oleh pengurusan hutang yang tidak teratur dalam memenuhi kehendak dan keperluan hidup.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (2019) mendapati jumlah kes kebangkrapan yang ditadbir sehingga Disember 2019 sebanyak 299,186. Daripada jumlah tersebut, bangsa Melayu adalah bangsa yang tertinggi dengan catatan peratusan sebanyak 58.76%. Seterusnya, sektor swasta pula menunjukkan jumlah yang tertinggi berbanding sektor lain dengan catatan 40.71%. Antara sebab utama kebangkrapan yang paling tinggi adalah daripada kategori pinjaman peribadi (32.07%), sewabeli kenderaan (21.53%), dan pinjaman perumahan (12.57%). Oleh itu dapat dilihat bahawa kebanyakan kes kebangkrapan yang dilaporkan adalah daripada kalangan bangsa Melayu yang berlatar belakangkan sektor swasta.

Maka kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap pengamalan pengurusan hutang dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka sekaligus mencadangkan model pengurusan hutang menurut menurut Islam berlandaskan Maqasid Syariah. Hal ini disebabkan Kolej Universiti Islam Melaka merupakan institusi swasta dan majoriti pensyarah adalah berbangsa Melayu.

Sorotan Kajian Lepas

Keperluan dan kehendak yang tidak terkawal dalam mendepani arus inovasi produk-produk perbankan telah menyebabkan kebanyakan daripada mereka terlibat dengan pinjaman dan pembiayaan sama ada dengan institusi kewangan atau organisasi-organisasi tertentu. Produk-produk perbankan yang kian bertambah berobjektifkan membantu masyarakat telah disalahgunakan oleh sebahagian golongan. Kesannya ialah dengan bertambahnya kes-kes muflis yang

pada tahap yang membimbangkan (Izzudin Abdul Aziz et.al, 2017). Hal ini terbukti apabila 58 peratus individu yang diisytihar muflis adalah golongan muda yang bekerjaya. Hal ini jelas menggambarkan ketidakmampuan golongan muda menguruskan hutang dengan bijak.

Selain berhadapan dengan perubahan fasa kehidupan, mereka turut berada dalam keadaan ketidakcukupan pendapatan yang menyebabkan mereka berhutang (Nuraini Abdullah et. al, 2016). Peningkatan masalah hutang dan kemuflian ini dilihat mempunyai kaitan dengan gaya hidup golongan muda yang berkemampuan dan mempunyai sikap “hedonisme” serta mengikut kehendak nafsu dalam mencari keselesaan dan kebahagiaan hidup yang maksimum (Nur Aisyatul Radiah et. al, 2015). 37 peratus daripada golongan pekerja muda mengakui berbelanja melebihi gaji bulanan. Apabila berlakunya perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan wang di kalangan belia, ini boleh menjurus kepada permasalahan hutang. Hal ini sekaligus membawa kepada bebanan hutang pada usia muda akibat berbelanja secara berlebihan. (Paul Selva Raj et. al, 2012).

Sifat golongan belia yang ingin menunjuk-nunjuk dan hidup di luar kemampuan sehingga sanggup membeli barang mahal, kereta mahal yang hanya sekadar memuaskan nafsu sendiri yang berpaksikan “apa orang kata” berbanding “apa Allah kata” juga merupakan salah satu punca menjurus kepada permasalahan hutang (Jessica Ong Hai Liaw, 2014; Zaidi Ismail 2015). 67.5% daripada 480 pekerja muda sektor kerajaan & swasta zon tengah membuat pembayaran pinjaman mengikut jadual dan 54.6% cuba untuk melangsaikan pinjaman/hutang lebih awal. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, tahap pengurusan hutang mereka pada tahap sederhana (58%) dan masih tidak tahu membezakan antara keperluan & kehendak. (Nuraini Abdullah et. al., 2013).

Pengurusan hutang tidak mempunyai pengaruh yang penting dalam kesejahteraan kewangan. Hal ini dapat dilihat apabila penjawat awam Malaysia mempunyai tahap kebimbangan yang minimum kerana skim pinjaman perumahan kerajaan adalah skim yang paling menarik di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengahnya yang suka menunjuk-nunjuk barangan mewah yang dibeli kepada kawan-kawan rapat dan saudara-mara (Md Lazim Mohd Zin et al, 2018) yang mana ianya dapat memberi kesan kepada perasaan ingin berhutang bukan disebabkan keperluan utama. Pendekatan Islam terhadap keberhutangan adalah dengan membuat perbelanjaan yang sederhana semasa hutang dan mengekalkan komitmen yang tinggi untuk menjelaskan semua hutang, sambil mengamalkan ajaran kerohanian berhubung hutang, antaranya doa yang dikhususkan untuk membantu penghutang Muslim dalam menghadapi dan mengatasi tekanan dan kesedihan. (Benaouda Bensaid et.al, 2013).

Selain itu juga, kajian Haryani Abdul Hamid, et.al (2015), kajian yang bertajuk Hutang Isi Rumah dan Upah Benar. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji hubungan antara upah benar yang diterima dengan hutang isi rumah. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan hutang isi rumah juga akan dikenalpasti agar dasar yang tepat boleh dilaksanakan bagi memastikan keadaan ekonomi terus berkembang dengan baik. Kajian ini menggunakan

kaedah penganggaran Generalized Method of Moments (GMM) untuk menguji sama ada wujud hubungan antara upah benar dengan hutang isi rumah dan sejauh mana upah benar mempengaruhi tingkat hutang isi rumah. Penganggar GMM dinamik dipilih kerana ia dapat membantu menyelesaikan masalah autokolerasi, heteroskedastisiti dan endogeniti bagi pembolehubah penerang. Data yang digunakan untuk kajian ini terdiri daripada kadar hutang isi rumah daripada KDNK dan pertumbuhan upah benar bagi 49 buah negara dari tahun 2007 hingga 2011. Keputusan kajian menunjukkan bahawa upah benar mempengaruhi hutang isi rumah secara negatif. Ini bermakna semakin rendah upah benar yang diterima oleh isi rumah, semakin tinggi hutang yang diambil oleh isi rumah daripada institusi kewangan.

Satu kajian berkaitan pengurusan hutang yang dijalankan oleh Nuraini Abdullah et.al (2016) yang bertajuk Faktor Peramal Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda. Kajian ini bertujuan melihat faktor peramal kepada pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Seramai 508 orang responden iaitu 57.1% terdiri daripada kakitangan awam selebihnya terdiri daripada kakitangan swasta yang berumur 40 tahun ke bawah telah terlibat dalam kajian ini. Kaedah persampelan rawak berlapis dilakukan di zon tengah iaitu di Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak menggunakan borang soal selidik (self administered). Hasil kajian menunjukkan bahawa, peratusan tertinggi literasi kewangan dan stres kewangan adalah pada tahap yang sederhana. Didapati bahawa pekerja muda memiliki estim diri yang positif manakala peratusan responden tertinggi dalam pengurusan hutang adalah di tahap yang rendah. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara literasi kewangan, sikap ketidakcukupan terhadap wang, sikap usaha/keupayaan terhadap wang, dan estim diri dengan pengurusan hutang pekerja muda. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan signifikan yang negatif antara sikap obsesi terhadap wang dan stres kewangan dengan pengurusan hutang pekerja muda. Selain itu, ujian analisis Regrasi Pelbagai yang dilakukan mendapati bahawa jantina, status kewangan, sikap obsesi terhadap wang, estim diri dan stres kewangan merupakan faktor penyumbang dengan estim diri merupakan peramal utama dalam kajian pengurusan hutang ini. Kajian ini memberi manfaat kepada para majikan agar menyediakan program pendidikan kewangan yang sesuai kepada kumpulan pekerja muda yang lebih terdedah kepada isu dan masalah berkaitan dengan muflis di usia muda. Pendidikan kewangan di tempat kerja dilihat sebagai salah satu program intervensi yang wajar diperkenalkan.

Jika dilihat daripada kajian-kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji, kajian pengurusan hutang atau model pengurusan hutang menuru Islam berlandaskan Maqasid Syariah belum lagi pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji di luar sana. Malahan tiada model khusus pengurusan hutang dinyatakan oleh pengkaji luar membolehkan kajian ini dijalankan.

METODOLOGI

Dalam sudut penelitian secara ilmiah, metodologi merupakan satu falsafah dalam proses pengkajian yang merangkumi keberangkalian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan pengkaji untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan kajian. Ditambah pula, metodologi adalah falsafah kepada proses pengkajian dan ini termasuk andaian-andaian serta nilai-nilai yang menjadi hujah pengkaji. Selain daripada itu, pengkaji menggunakan sebagai ukuran ataupun kriteria untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan (Bailey, 1978). Kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap pengamalan pengurusan hutang dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka. Justeru itu, permasalahan yang telah dikenalpasti akan diselesaikan menggunakan metod yang terdapat dalam kaedah kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan.

Justeru itu, pengkajian ini berbentuk kajian tinjauan di mana melibatkan penggunaan soal kaji selidik atau maklumat statistik untuk mengumpul data mengenai sesuatu populasi, pemikiran atau tingkah laku responden. Analisis deskriptif dibuat seperti min, mod, median, peratus dan kekerapan akan dijalankan untuk mendapat maklumat dan data mengenai perkara di atas melalui sampel yang diperolehi daripada responden. Bagi memudahkan pengkaji mendapat data dan maklumat yang lebih terperinci daripada sebahagian kecil populasi, kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk menambah ketepatan keputusan. Pemilihan responden dalam kajian ini melibatkan semua pensyarah di Kolej Universti Islam Melaka secara rawak.

Justeru itu, subjek yang menjadi penelitian pengkaji ialah pensyarah KUIIM seramai 64 orang responden daripada kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka. 42 orang merupakan pensyarah perempuan dan 22 orang daripada pensyarah lelaki. Kesemua responden yang telah menjawab soal selidik adalah dari 5 buah fakulti iaitu Fakulti Keilmuan Islam, Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Sains Sosial dan Fakulti Bahasa dan Pendidikan. Bagi penggunaan instrumen kajian ialah alat bagi mendapatkan data dari sampel kajian, bahkan instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis pengkaji (Mohd Najib Ghafar, 1999). Instrumen soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan bertulis disediakan oleh pengkaji yang difikirkan merangkumi maklumat-maklumat yang dikehendaki. Justeru itu, pengkaji menyediakan borang soal selidik kepada pensyarah di Kolej Universiti Islam Melaka yang terbabit dengan kajian. Kaedah ini dapat mengenal pasti tahap pengamalan pengurusan hutang dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka.

Kesemua item yang digunakan dalam soal selidik tersebut adalah item berbentuk negatif dan positif. Instrumen kajian atau soal selidik ini akan memberi lima jawapan berdasarkan skala likert lima poin dengan memberi lima skor yang diberikan sama ada sangat tidak setuju tentang kenyataan, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Selain itu dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua jenis data, iaitu data primer dan data sekunder. Bagi data primer adalah

sebagai data kuantitatif iaitu data-data yang dikumpul melalui soal selidik, manakala data skunder adalah data kuantitatif yang terdiri daripada data-data yang terkumpul melalui pemerhatian dan pengumpulan dokumen.

Pengkaji akan mendapat data dan maklumat kajian ini menerusi bahan perpustakaan bahan-bahan yang bercetak seperti buku, jurnal-jurnal, tesis, prosiding kertas kerja atau perbentangan, laporan pengkajian, surat-surat pekililing yang berkaitan, majalah, akbar, kertas seminar dan latihan ilmiah yang lepas, artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian, bahan di laman sesawang dan sebagainya yang dinukilkan oleh para ilmuan sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris serta dalam bahasa Arab yang kemudiannya dianalisis oleh pengkaji untuk mendapatkan satu kesimpulan kajian. Selain itu, melalui kajian perpustakaan ini juga amat membantu pengkaji untuk menyediakan pengenalan kepada kajian serta landasan teori. Oleh itu, kaedah ini dapat membantu pengkaji merangka borang kaji selidik untuk mendapatkan hasil dapatan kajian.

Selain daripada kajian berbentuk perpustakaan yang dijalankan di pusat-pusat rujukan tertentu, kajian lapangan juga perlu dilakukan bagi mendapatkan data dan maklumat yang lebih terperinci dengan mengumpul segala data, maklumat, statistik secara langsung dari responden. Ditambah pula, kaedah kajian lapangan perlu dilakukan untuk mendapat data-data kajian yang lebih sesuai dan seimbang (Marohaini Yusuf, 2001). Dalam kajian ini pengkaji menjalankan kerja lapangan bersesuaian dengan kaedah kuantitatif bagi memperolehi hasil dapatan melalui edaran soal selidik. Hasil kajian yang diperolehi melalui soal selidik akan dijadikan data utama atau data primer dalam kajian ini. Jadual yang dibina pula akan mengikut objektif kajian dan kemudiannya dihuraikan mengikut peratusan, min dan sisihan piawai.

Bagi prosedur pengumpulan data dijalankan secara berperingkat supaya berjalan dengan lancar dan telus. Apabila semua borang soal selidik dapat diisi oleh responden, proses mengumpul dan menyemak dilakukan bagi memastikan data yang ingin diperolehi oleh pengkaji berjalan dengan baik. Bagi proses akhir yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah memasukan data yang diperolehi ke dalam komputer dengan menggunakan kiraan manual agar mendapatkan dapatan analisis kajian.

TAHAP PENGAMALAN PENGURUSAN HUTANG MENURUT ISLAM DALAM KALANGAN PENSYARAH KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

Daripada keseluruhan dapatan hasil soal selidik mendapati majoriti pensyarah dengan peratusan 53.1% merasakan masih mampu membayar semula bayaran bulanan pembiayaan kepada pihak bank. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan di antara para pensyarah mampu untuk mengawal tabiat suka berhutang dengan bukti peratusan 67.2% yang tidak suka berhutang dengan sengaja. Walau bagaimanapun, hakikat sebenar bahawa pembiayaan tetap juga dimohon apabila peratusan yang mempunyai pembiayaan peribadi sebanyak 42.2%, pembiayaan kenderaan sebanyak 43.8% dan pembiayaan perumahan

sebanyak 45.3%. Namun, ianya masih berada pada tahap yang baik apabila hanya 6.3% orang sahaja yang memiliki kad kredit lebih daripada satu dan hanya 1.6% yang menggunakannya melebihi 50% daripada jumlah yang dibenarkan. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden masih bijak menguruskan hutang.

Namun, terdapat sedikit kekurangan dalam kalangan responden yang merupakan para pensyarah apabila kebanyakan pengetahuan berkaitan literasi maklumat pengurusan hutang mula wujud ketidakseragaman. Hal ini terbukti apabila kebanyakan responden dengan peratusan 37.5% tidak pasti berkenaan kadar keuntungan yang ditetapkan oleh pihak bank berada pada tahap rendah dan menarik. Hal ini disokong lagi apabila peratusan tidak pasti berada pada tahap paling tinggi sebanyak 31.3% berkenaan tempoh pembayaran hutang dan pengetahuan berkenaan peluang untuk membuat overlapping sebanyak 28.1% paling tinggi responden tidak pasti. Walau bagaimanapun, responden masih berada pada tahap pengurusan hutang paling baik apabila sebanyak 65.6% tidak terpengaruh dengan mana-mana ejen promosi dan tawaran menarik yang diberikan walau boleh dibuat bayaran secara potongan gaji. Pengaruh kawan atau persekitaran juga tidak mempengaruhi responden untuk membuat pembiayaan membuta tuli. Hal ini menyebabkan responden masih berkemampuan untuk membayar hutang pengajian dengan peratusan bersetuju sebanyak 51.6%

Seterusnya, tahap pengamalan pengurusan responden juga berada pada tahap yang baik apabila majoriti mengetahui bahawa hutang boleh menambah bebanan perbelanjaan yang sedia ada. Majoriti responden juga membuktikan bahawa mereka tidak bersetuju dengan mengatakan gaji mereka dipotong melebihi 60% dan mengurangkan kuasa membeli disebabkan majority responden dengan mengetahui kesan potongan pembiayaan yang maksimum akan menyebabkan kuasa membeli akan menurun sekaligus akan mengganggu pemikiran responden. Tambahan lagi, tahap pengurusan hutang responden majoriti berada pada tahap yang baik apabila sebanyak 59.4% tidak membuat overlapping untuk menampung hutang sedia ada. Hanya 3.1% sahaja responden yang membuat overlapping tersebut dan hanya 12.5% sahaja yang dalam kalangan responden yang bersetuju bahawa hutang akan menyebabkan mereka terpaksa membuat kerja sampingan untuk menampung keperluan hidup. Namun, majoriti responden masih lagi berada pada tahap yang sangat baik apabila sebanyak 89.1% tidak terjebak dengan gejala negatif seperti menipu, mencuri dan berjudi disebabkan oleh hutang walau majoriti juga mengatakan masih menunggu-nunggu kemasukan gaji setiap bulan. Tambahan lagi 50% responden yang merupakan paling tinggi peratusan mengatakan mereka boleh membezakan antara hutang yang baik dan hutang yang tidak baik. Maka terbuktilah bahawa berdasarkan hasil soal selidik mendapati kebanyakan responden dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka mampu untuk menguruskan hutang dengan baik seiring ajaran Islam dan ilmu yang dipelajari. Hanya terdapat segelintir sahaja yang masih memerlukan tambahan ilmu berkenaan pengurusan hutang agar ianya tidak menyalahi dengan Maqasid Syariah yang sebenar.

MODEL PENGURUSAN HUTANG MENURUT ISLAM

Dalam merancang pengurusan hutang yang sedia ada, pengkaji melihat ada dua bentuk cara pembayaran hutang iaitu sama ada secara umum dan secara khusus. Secara umum adalah pembayaran hutang yang dibuat tanpa ditetapkan oleh mana-mana pihak atau tidak ditentukan masa yang tertentu untuk menyelesaikan pembayaran hutang seperti orang yang berhutang dengan individu lain tanpa sebarang dokumen perjanjian secara rasmi. Manakala pembaruan hutang secara khusus pula biasanya hutang dibuat kepada badan-badan tertentu seperti bank, koperasi dan badan-badan kewangan yang lain seperti seseorang berhutang kepada bank untuk membeli aset rumah. Perlu difahami setiap hutang yang dilakukan oleh seseorang perlulah melihat tahap keperluan dan kepentingan menurut Maqasid Syariah. Keperluan syariah ini adalah penting agar maksud tolong-menolong dalam konsep berhutang dapat digunakan dengan sebaik-baiknya seperti Firman Allah Taala dalam Surah Al-Maidah ayat 2, “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran”.

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar masyarakat yang bercadang untuk mengukuhkan kedudukan kewangan, mestilah mengenal pasti terlebih dahulu model pengurusan kewangan yang lazim dilakukan supaya dapat belajar daripadanya serta kesilapan berhutang dalam perkara-perkara yang tidak perlu dilakukan dapat dielakkan. Antara cadangan pengurusan hutang menurut Islam ialah :

1) Perancangan Pelan yang Strategik

Kebanyakan masyarakat yang berhutang tidak mempunyai perancangan atau pelan yang betul-betul baik atau bertujuan dapat membantu bagi membelanjakan wang tersebut sekaligus membantu cara menyelesaikan hutang. Perancangan yang baik dan sistematik boleh diuruskan dengan sendiri jikalau masyarakat benar-benar mempunyai ilmu dan mampu menyusun perbelanjaan mengikut peringkat yang digariskan syariah iaitu daruriyyah, hajiyyah dan tahsiniyyah. Namun, jikalau masyarakat kurang berkemampuan untuk menguruskan perbelanjaan dan menguruskan hutang dengan sendiri, maka masyarakat perlu merujuk kepada institusi yang diiktiraf, badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM, 2020), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) boleh di layari www.akpk.org.my/ dan lain-lain.

2) Ilmu Pengetahuan

Ilmu pengetahuan yang perlu didalami sebagai bekal kebaikan di dunia dan di akhirat. Ilmu dunia seperti Ilmu Ekonomi merupakan satu ilmu yang perlu dipelajari dan didalami oleh setiap individu yang berurusan dengan kewangan. Dengan ilmu Ekonomi ini masyarakat tersebut mampu memahami konsep hutang, konsep kehendak, konsep pelaburan dan konsep perbelanjaan agar dapat menguruskan kewangan yang baik. Manakala ilmu akhirat seperti Ilmu Syariah

yang membicarakan tentang keperluan dan kehendak berlandaskan syariah juga merupakan ilmu yang penting untuk dipelajari dan diamalkan agar ianya menjadi garis panduan ketika bermuamalah dengan jualbeli dan hutang piutang. Perkara tersebut telah dikongsikan sendiri oleh Bank Muammalat sebagai contohnya (Bank Muammalat : diakses pada 12 Dis 2021).

3) Perbelanjaan Secara Berhutang

Membeli belah secara atas talian atau online transaksi merupakan sebahagian cara hidup dalam jual beli masyarakat dunia pada hari ini. Penggunaan kad kredit yang ditawarkan oleh pihak bank yang pada asalnya bertujuan untuk memudahkan masyarakat dalam menguruskan hal kewangan secara berhutang perlu diuruskan secara berhemah. Hal ini disebabkan, penggunaan kad kredit secara berleluasa menyebabkan masyarakat dibelenggu dengan hutang yang dijangka atau tidak dijangka sehingga menyebabkan terjerumus dalam golongan mufliis. Oleh hal demikian, selain memilih kad kredit berdasarkan patuh syariah, masyarakat juga perlu menjadi pengguna kad kredit menggunakannya secara berhemah (Comparehero, 2021). Walaupun kad kredit merupakan satu kemudahan, namun ramai dalam kalangan masyarakat yang menyalahgunakannya dan menganggap ia adalah sebagai suatu alat untuk berbelanja dengan sewenang-wenangnya. Tanggapan ini adalah salah dan perlu dibaiki agar kes mufliis dapat dicegah dan masyarakat dapat menguruskan perbelanjaan dan hutang secara baik menurut Islam.

4) Alihan Hutang kepada Pelaburan Patuh Syariah

Hutang yang banyak boleh diuruskan dengan baik antara salah satunya adalah melalui pelaburan. Pelbagai produk pelaburan terdapat di pasaran. Walau bagaimanapun, masyarakat perlu memastikan pelaburan yang pilih haruslah yang dibenarkan syariah serta menepati profil risiko dan ganjaran yang diinginkan. Oleh itu, masyarakat juga disarankan untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai selok-belok pelaburan sebelum bermula untuk melabur. Pelaburan juga hendaklah selari dengan patuh amalan syariah (Bursa Malaysia : diakses pada 12 Dis 2021). Hal ini disebabkan masyarakat atau penghutang yang baik akan mengambil sebahagian hutangnya dilaburkan agar berkembang sekaligus dapat membantu menyelesaikan pembayaran hutang yang sedia ada dengan lebih terurus.

PENUTUP

Kedudukan kewangan seseorang sama ada berbentuk aset atau liabiliti menjadi pengukur kepada perbelanjaan pada masa akan datang. Peningkatan aset akan membawa kepada peningkatan kebolehbelanjaan manakala peningkatan liabiliti pula akan mempengaruhi kepada penurunan kebolehbelanjaan. Aset terbahagi kepada dua kategori iaitu aset mudah tunai seperti deposit, dana unit amanah dan

pelaburan langsung dalam pasaran saham serta aset secara relatif kurang mudah tunai seperti caruman wajib kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Hutang pula merupakan pinjaman yang perlu dibayar semula untuk menanggung pembelian harta dan sekuriti ataupun untuk membiayai penggunaan. Secara umumnya, pemilikan aset yang tinggi boleh membuka ruang kepada peningkatan perbelanjaan dan peningkatan pinjaman berdasarkan kepada keyakinan bahawa seseorang itu mampu untuk membayar semula hutang yang dibuat. Sekiranya individu yang berhutang akur dengan liabiliti pinjaman yang dibuat, maka dengan sendirinya mereka akan berbelanja mengikut kemampuan yang ada. Oleh itu, kajian ini untuk mendapat kepastian mengenai pengalaman pengurusan hutang menurut Islam dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka berada pada tahap yang baik.

Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir pensyarah yang tidak mengetahui tentang selok belok produk yang ditawarkan oleh Institusi Perbankan Islam. Penemuan kajian ini adalah berguna terutamanya kepada pihak pembuat dasar dalam memperkenalkan pelan yang bersifat komprehensif melalui badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dalam membantu golongan yang berhutang menguruskan hutang. Pemahaman mengenai pengurusan hutang diperlukan bagi membekalkan mereka dengan kemahiran pengurusan hutang yang berhemah agar statistik pekerja yang diisytiharkan muflis dapat dikurangkan khususnya di Malaysia.

RUJUKAN

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (2018), 75 Peratus Yang Dapatkan Kaunseling Daripada AKPK Berusia 30-50 Tahun, diperoleh <https://www.akpk.org.my/my/news>
- Bank Muamalat diakses pada 12 Dis 2021 : <https://www.muamalat.com.my/downloads/media-room/publications/Buku-Kewajipan-Membayar-Hutang.pdf>
- Bank Negara Malaysia (2018), Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017, di muat turun pada 6 Disember 2018, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_fspr&ac=24&lang=bm
- Bank Negara Malaysia (2019), Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2019 https://www.bnm.gov.my/files/publication/fsreview/bm/2019/1h/bm_fs_01_1.pdf
- Benaouda Bensaid, Mohd Roslan Mohd Nor & Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff (2013), Enduring Financial Debt: An Islamic Perspective, Middle-East Journal of Scientific Research 13 (2),h. 162-170
- BNM(2020)https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020_bm_ch2_managing

- Bursa Malaysia : diakses pada 12 Dis 2021 :
https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/assets/5bb55b8c5f36ca0c38d98c09/Amalan_Terbaik_Pelaburan_Syariah.pdf
- Comparehero, 2021 : <https://www.comparehero.my/credit-card/articles/cara-kad-kredit-islamik-berfungsi>
- Haryani Abdul Hamid, Tamat Sarmidi, Abu Hassan Shaari Md Nor (2015), Hutang Isi Rumah dan Upah Benar, PROSIDING PERKEM 10, (2015) 547 – 557 ISSN: 2231-962X.
- Izzuddin Abdul Aziz & Ahmad Azrin Adnan (2017), Pembinaan Domain Falsafah Keberhutangan Islam dalam Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, 7-8 Oktober 2017
- Jabatan Inslovensi Malaysia (2018), Statistik Kebankrapan Disember 2017 dimuat turun pada 6 Disember 2019, <http://www.mdi.gov.my/index.php/ms/about-us/resources/statistics/bankruptcy/1548->
- Jessica Ong Hai Liaw (2014), Belia Muflis Akibat Belanja Luar Kemampuan, dicapai pada 6 Disember 2018, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140415/re_05/Belia-muflis-akibat-belanja-luar-kemampuan#ixzz3oE1th1BC.
- Laman AKPK :<https://www.akpk.org.my/>
- Md Lazim Mohd Zin, Hadziroh Ibrahim & Ahmad Zafwan Sulaiman (2018) Investigating the Determinants of Public Servant Income Management, East Asian Journal of Business Management, vol. 8, no. 2, h. 33-41
- Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Rizki Moi (2015). Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor. GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space, issue 11, h. 110 – 119
- Nuraini Abdullah & Mohamad Fazli Sabri (2016). Faktor Peramal Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda. International Journal of Education and Training (InjET) 2(2) November 2016, h. 1- 19
- Nuraini Abdullah dan Mohamad Fazli Sabri (2016) yang bertajuk Faktor Peramal Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda. International Journal of Education and Training (InjET) 2(2) November: 1- 19 (2016).
- Nuraini Abdullah, et.al (2013), Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Pekerja Muda, Jurnal Pengguna Malaysia, Jil. 21, Dis 2013, h. 16-34
- Nurauliani Jamlus Rafdi, Noor Aimi Mohamad Puad, Wan Shahdila Shah Shahar, Fadilah Mat Nor, & Wan Shazlinda Shah Shahar (2015), Faktor-faktor Muflis Di Kalangan Belia, Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM) 16th – 17th November 2015
- Paul Selva Raj, Mohd Yusuf bin Abdul Rahman & Siti Rahayu bt Zakaria (2012), Kajian Pekerja Muda Hadapi Masalah Hutang Serius dalam Ringgit: Rakan Kewangan Anda, Bil. 11/12, November 2012, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (BNM) & Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

Zaidi Ismail (2015). 4 Amalan Jahil Faktor 41 Belia Muflis Setiap Hari, dicapai pada 6 Disember 2018, <http://www.majalahniaga.com/4-amalan-jahil-faktor-41-belia-muflis-setiap-hari.html>.
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/5/2016/03/130350/68-peratus-rakyat-malaysia-hutang-tinggi>
<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/09/499617/hutang-isi-rumah-kekal-822-peratus>
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/laporan-ekonomi-hutang-isi-rumah-meningkat-47-peratus-cecah-rm10074-bilion-219798>
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/502593/hutang-isi-rumah-832-peratus>
<https://harakahdaily.net/index.php/2019/11/07/anak-muda-hutang-isi-rumah-dan-literasi-kewangan/>